

25/05/2003

Melalui kata-kata, pena manusia diperintah

TEGAS Disraeli "with words we govern men - melalui kata-kata kita perintah manusia". Pada saya minat dan hobi terpenting ialah "words" dan politik! Tanpa perkataan dan bahasa kita tidak boleh bicara, tanpa kecemerlangan dan pendidikan berkualiti kita tidak akan maju, menghayati dan menikmati tamadun.

Diperturunkan petikan ucapan balas saya di majlis penganugerahan Ijazah Kehormat Kedoktoran Kewartawanan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Istiadat Konvokesyen ke 57 di Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam, Khamis, 22 Mei 2003.

"Pagi ini membuka sejarah baru, justeru satu istiadat yang teristimewa dan indah bagi diri saya. Saya berterima kasih kepada UiTM kerana sudi memartabat dan memuliakan diri saya yang masih serba kekurangan ini. Tidak terlintas di hati saya 47 tahun terdahulu dari kampus di Jalan Othman, Petaling Jaya, saya akan berdiri di sini pada pagi yang permai ini.

Satu dekad dahulu saya telah memulai pengajian peringkat PhD di Universiti Malaya dan tesis saya ialah tentang tiga keluarga di Kelantan yang amat berpengaruh dalam pentadbiran dan politik negeri itu selama 100 tahun hingga 1990.

Setelah dua tahun di Universiti Malaya, saya telah diminta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk berkhidmat sebagai Duta Khas di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selama empat tahun. Dengan itu tamatlah cita-cita saya mahu menjadi seorang doktor (audien ketawa).

Saya tidak menduga ten or perhaps a dozen years have lapsed, I am conferred with a doctorate in journalism by this university without having to do anything (gelak ketawa). Thank you UiTM for this great honour. Syukur Alhamdulillah.

Graduan-graduan wajar bermegah sebab anda telah dapat menyempurnakan matlamat. Selepas istiadat ini, anda akan berhadapan dengan kehidupan yang makin hari makin sukar, penuh cabaran dan kompetitif dalam dunia masa depannya yang tidak menentu. Saya berdoa dijauhi selama boleh pertembungan antara tamadun.

Majoriti orang Melayu dan Bumiputera masih lagi di belakang orang lain dalam serba-serbi kecuali dalam pentadbiran dan politik. Benar kita telah mencapai kejayaan besar yang datuk nenek kita tidak termimpi pun tetapi perjuangan bangsa kita ke destinasi yang diidami masih jauh lagi.

Biarlah saya berterus terang kerana saya sayangkan bangsa. Saya sedar bercakap benar tidak digalakkan, adab Melayu selalu berlapik ketika

bermadah. Kebenaran pahit sungguhpun ia ubat yang paling mujarab.

Contohi Ireland, kuasai bahasa Inggeris

Penguasaan bahasa Inggeris amat terpenting untuk mencapai matlamat kita.

Negara Ireland dulu miskin tetapi kini pertumbuhan ekonominya terpanas di

antara negara-negara maju, antara sebabnya ialah penguasaan bahasa Inggeris oleh rakyatnya.

Mereka telah berjaya menguasai bahasa ibunda bangsa yang pernah menjajah

mereka dahulu. Kita mesti menguasai bahasa Inggeris seperti orang Irish. Masakan kita mahu mengorbankan bahasa ibunda. Bahasa Gaelic, iaitu bahasa

ibunda orang Irish, segar walaupun mereka menguasai bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi dunia. Sesiapa yang tidak boleh

berkomunikasi sebenarnya tercicir daripada persaingan untuk menguasai maklumat dalam era pengetahuan ini. Rakyat Malaysia, seperti juga warga dunia yang lain, tidak berupaya ketinggalan.

Pelajar institusi pengajian tinggi terutama UiTM hendaklah menggandakan

usaha menguasai bahasa Inggeris bagi meningkat peluang dalam pasaran pekerjaan yang semakin lama semakin sukar dan kompetitif.

Kurangkan "keMelayuan" Datuk Sir Onn bin Jaafar, pengasas Umno dan RIDA;

Tun Razak, bapa pembangunan, wira Melayu dan pengasas ITM dan juga Dr Mahathir yang meluluskan tertubuhnya universiti yang tercinta ini kerana ketiga-tiga negarawan ini petah bercakap dan bijak menulis dalam bahasa Inggeris?

Menguasai satu bahasa tidak berguna sangat tanpa bersama menguasai ilmu

pengetahuan. Apabila kedua-dua dikuasai pun, belum tentu kita dapat berkomunikasi dengan efektif dan berkesan.

Kalau kita mahu menyampaikan hasrat dan hajat bangsa dan agama kita atau

apapun agenda kita, kita mesti tahu pula ilmu effective communications atau communications skills, baik lisan atau tulisan.

Melayu harus kuasai 4 bahasa!

Walaupun tidak sampai 400 juta insan dalam dunia hari ini mengerti atau

faham bahasa Inggeris (berapa tingkat kefasihan), mereka ini tersebar di seluruh alam dan mereka lazimnya terdiri daripada penggubal polisi dan pelaksana dasar. Justeru, bahasa Inggeris amat penting.

Sungguhpun bahasa Mandarin mempunyai pengguna terbesar (lebih 1 bilion)

tetapi hampir 98 peratus penggunaanya tinggal di negara China. Hindi kedua

besar bilangan pengguna tetapi tertumpu hanya kepada utara India, Sepanyol

bahasa ketiga terbesar bilangan pengguna nampak cepat berkembang. Bahasa Jepun seperti bahasa kita hanya diguna oleh mereka dan orang kita sahaja.

Begitu juga Jerman, Belanda, hatta Perancis walaupun mereka bangsa maju, bahasa mereka tidak bahasa international seperti bahasa Inggeris maka

mereka juga kini mengejar dalam usaha menguasai bahasa Inggeris padahal bahasa mereka amat lengkap.

Bahasa Arab diketahui oleh sebilangan kecil Muslim bukan Arab walaupun ramai antara mereka dan kita boleh membaca al-Quran, bahkan ramai juga menjadi hafiz tetapi tidak ramai tahu bercakap, membaca dan menulis bahasa itu.

Bagi orang Melayu sebaik-baik kita harus dapat menguasai empat bahasa - ibunda, Inggeris, Arab dan Mandarin atau salah satu daripada bahasa Eropah, terutama bahasa Sepanyol.

Oleh sebab degree kehormat saya di bidang kewartawanan, wajarlah saya memberi sedikit pandangan tentang status journalism di tanah air dan kewartawanan antarabangsa. Saya suka mengulangi di majlis ini: tidak ada kebebasan mutlak media di mana-mana pun. Mereka yang percaya kebebasan akhbar tanpa sempadan dan batas wujud, amat naive, mentah atau mungkin sengaja mahu terus jahil.

Pena tajam seperti pedang

Media seperti pena amat berpengaruh, berkuasa dan tajam seperti pedang.

Kerana itu media mesti bertanggungjawab. Media Malaysia bebas, lihat saja di kedai-kedai yang menjualnya. Betapa bebasnya mereka menulis dan menyebarkan.

Mereka yang antikerajaan mengancam kononnya media perdana tidak bebas. Benar, saya akui saya tidak bebas menyiar berita palsu atau tuduhan yang tidak benar dan tidak bertanggungjawab. Jika saya berbuat demikian, saya telah lari daripada tanggungjawab dan etika profesion kewartawanan dan saya akan disaman kerana libel (fitnah).

Media bukan perdana lazimnya tiada dana yang banyak, maka orang tidak menyaman mereka, maka mereka bolehlah sebar sebarangan dan pembaca mereka pula tidak terdiri daripada decision makers.

Sebenarnya saya tidak pernah dikongkong oleh sesiapa pun. Apa terjadi ialah ketua-ketua pengarang hanya cermat, tidak mahu mengambil risiko kerana bak kata Mat Salleh: "discretion is the better part of valour." Kenapa? Kerana bagi mengekalkan keamanan, harmoni, muhibah dan memelihara sensitiviti pelbagai bangsa, budaya dan agama di negara kita ini.

Di Amerika, juga di Britain, kebebasan media hanya suatu konsep, suatu teori sahaja; satu mitos yang telah menjadi candu atau dadah bagi sesetengah mereka yang menggelar diri sendiri cerdik pandai di negara-negara membangun termasuk kita.

Tegas Paul Krugman, kolumnis terkemuka New York Times dalam kolumnya minggu lepas, TV dan akhbar Amerika dipunyai oleh orang perseorangan atau syarikat tertentu. Media dan TV ini mencerminkan pendapat politik tuan punya media itu dan lazimnya melambangkan dasar pemerintah negara itu.

Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung

Rupert Murdoch - maharaja media dunia - tersohor suka mengibarkan bendera Amerika dan Union Jack dengan semangat yang berkobar-kobar. Di China, Murdoch mengikut lagu dan irama China, kerana Murdoch takut hilang marketnya yang terbesar di negara itu. Lagipun isterinya seorang China.

Pemerintah atau kerajaan di mana-mana pun dengan izin "can reward media companies that please it, punish those that don't. Can something like the China syndrome happen in the United States? Of course it can." Ini bukan suara saya, ia suara Krugman.

Yakni pemerintah baik di China dan Amerika boleh melindungi bahkan membantu dan memanfaatkan media yang pronya dan memusuhi dan mendera media yang tidak mengikut kehendak pemerintah. Banyak media, baik di Barat dan Timur, lebih suka dimanfaatkan daripada didera.

Anda sudah melihat CNN, BBC dan Al-Jazeera. Bezanya antara stesen TV satelit ini terserlah kerana masing-masing ada agenda tersendiri dan kesemua mesti menjaga cita rasa politik majoriti penonton dan kalau media cetak, pembaca mereka. Liputan penaklukan Iraq contoh terbaik bahawa kebebasan media satu mitos, palsu, tidak benar. Hanya satu perang saraf saja.

Status Kumpulan NST, media terbesar

Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) kini berusia 158 tahun dan akan wujud berterusan insya-Allah. Kini Kumpulan New Straits Times, penerbit terbesar di negara ini - tiap hari menjual antara 600,000 dan 700,000 naskhah, satu pertiganya daripada penerbitan bahasa Inggeris: NST

dan Malay Mail dan bakinya dari Berita Harian dan Harian Metro. Hari Ahad

pula jumlahnya naik antara 10 hingga 30 peratus bergantung kepada pergolakan antarabangsa dan dalam negeri.

Masa depan media di Malaysia adalah media berbahasa Melayu dan Mandarin.

Tetapi tahukah anda media bahasa Inggeris dan Cina lebih banyak bilangan daripada media berbahasa Melayu?

Media Inggeris akan terus berpengaruh walaupun pengedarannya kecil dibandingkan dengan media bahasa Melayu dan Cina tetapi ia dibaca dan akan

terus diminati oleh elit politik, bisnes, korporat, profesional, academicians, diplomat, pendeta, sarjana dan ilmuwan.

Di mana pun dan dalam bahasa apa pun, tabloid circulationnya lebih besar daripada broadsheet. Di Britain, The Times pengedarannya satu per enam daripada pengedaran The Sun, tabloid yang tertinggi jualan di Britain kerana gambar muka tiganya, tetapi pengaruh politik The Times, enam kali ganda terbesar.

New Straits Times akan terus berpengaruh. Purata pengedarannya 145,000 naskhah sehari, lebih besar daripada dulu apabila pentadbiran baru dan saya mengambil alih kepimpinannya 20 bulan lepas dan pengedarannya sedang meningkat.

Tetapi saya jangka dalam masa tiga tahun, Harian Metro (170,000) terutamanya akan meningkat dua kali ganda. Kini Berita Harian pengedarannya pukul rata 240,000 setiap hari. Pada hari kita terbitkan sisipan Didik, pengedaran Berita Harian melebihi 300,000 naskhah. Di Malaysia mengikut AC Nielsen, tiap akhbar dibaca paling minimum empat orang. Bayangkanlah, Kumpulan NST jika mempunyai circulation paling

minimum 550,000 saja pun, ada 2.2 juta pembaca di seluruh negara.

Suka juga saya menyatakan, daripada 811 pengarang, penyunting dan wartawan yang kini berkhidmat di jabatan pengarang Kumpulan NSTP, 130 adalah graduan UiTM termasuk saya, sebagai menyerlahkan sumbangan besar universiti ini dalam kemajuan bidang kewartawanan negara. (Tepuk gemuruh).

Tiada mana-mana universiti dapat menghampiri satu pertiga bilangan itupun.

Maka baik buruk akhbar Kumpulan NST mencerminkan baik buruk UiTM, maka amat wajarlah keluarga UiTM dulu dan kini membaca akhbar Kumpulan NST (tebuk dan ketawa).

Ada budi ada balas

Dalam kehidupan, yang terpenting ialah bukan bagaimana kita bermula tetapi apa kesudahannya seperti peribahasa kita - berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

Kesimpulannya bagi membantu kita menuju ke arah sukses, penguasaan bahasa Inggeris wajib, kepetahan bercakap dan pandai menulis wajib; berilmu dan berkesan menyampai hasrat kita kepada sasaran wajib, tabah, gigih, rajin dan sabar kunci dan suluh kepada hidup yang cemerlang dan bahagia.

Saya amat seronok, bahagia dan riang dapat pulang ke UiTM setelah sekian lama berjauhan.

Sayang selasih di Tanjung Tualang,
Diputik sedulang laut sebandi;
Terima kasih berulang-ulang,
Kerana sudi menjemput saya ke sini.
Saya Abdullah dari Negeri Cik Siti,
Cik Siti Wan Kembang maharani rupawan;
UiTM berbudi saya belum lagi,
Budi akan dikenang sampai mati.

"Kata orang ada ubi ada batas, ada budi ada balas." (Ketawa dan tepuk gemuruh)